

KATA BILANGAN

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

1 Kakak amat menggemari telur ayam masak _____.

- A semua
- B seluruh
- C separuh
- D sesetengah

2 _____ kawasan lapang di belakang rumah Pak Dollah ditanam dengan sayur-sayuran.

- A Setiap
- B Segelintir
- C Sebilangan
- D Sebahagian

3 Syazwani gemar mengumpulkan _____ jenis setem luar negara.

- A berbagai
- B pelbagai
- C seluruh
- D segala

4 _____ orang penjenayah itu telah berjaya diberkas oleh pihak polis.

- A Ketiga
- B Tiap-tiap
- C Sesetengah
- D Kedua-dua

5 Lembu peliharaan Pak Samad ada _____ ekor?

- A beberapa
- B keempat
- C separuh
- D berapa

6 _____ helai kertas melayang apabila Kamariah menghempas fail ke atas mejanya.

- A Seluruh
- B Ribuan
- C Setengah
- D Beberapa

7 Haji Ahmad akhirnya meninggal dunia setelah _____ menderita penyakit angin ahmar.

- A berhari-hari
- B berabad-abad
- C bertahun-tahun
- D berkurun-kurun

8 _____ jenis cenderamata dijual di _____ gerai itu.

- A Pelbagai. setiap
- B Berbagai.semua
- C Beberapa.segala
- D Pelbagai.segala

9 _____ tubuhnya terasa lemah _____ kali diserang demam panas.

- A Tiga suku. sekalian
- B Setengah.beberapa
- C Seluruh.sekalian
- D Seluruh.setiap

10 Tuan Zaidi mendermakan _____ daripada hartanya kepada anak-anak yatim.

- A sebahagian
- B sesetengah
- C beberapa
- D ribuan

11 _____ murid diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum.

- A Para
- B Setiap
- C Ribuan
- D Setengah

12 Majikan itu melayani _____ pekerjaanya dengan adil tanpa pilih kasih.

- A separuh
- B beberapa
- C sebahagian
- D semua

13 Pihak imigresen memeriksa _____ badan penumpang kapal terbang sebagai langkah keselamatan.

- A seluruh
- B setengah
- C segelintir
- D beberapa

14 Aiman sedah diberitahu _____, tetapi dia tetap terlupa akan pesanan itu.

- A beberapa
- B beribu-ribu
- C berkali-kali
- D beratus-ratus

15 _____ hadirin dipersilakan menikmati jamuan ringan.

- A Para-para
- B Setengah
- C Segala
- D Para

16 _____ hujung bulan dia ke pasar raya itu untuk membeli belah.

- A Semua
- B Setiap
- C Setengah
- D Beberapa

17 Stadium itu penuh sesak dengan _____ penyokong Pasukan Hijau Kuning.

- A puluhan
- B ribuan
- C setiap
- D separa

18 _____ buah tong hilang dipercayai mengandungi sisa toksik ditemukan di tepi belukar itu.

- A Beberapa
- B Setengah
- C Separuh
- D Sebahagian

19 _____ kali selepas bersolat , dia mengangkat _____ belah tangannya dan berdoa kepada Tuhan.

- A Beberapa...kedua-dua
- B Pertama...semua
- C Setiap...kedua-dua
- D Setengah-setengah...dua

20 _____ pandangannya menjadi gelap apabila _____ belah matanya terkena semburan cecair itu.

- A Seluruh...kedua-dua
- B Kedua-dua...seluruh
- C Setiap...kedua-dua
- D Sesetengah...semua